

# Falsafah dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Pandangan Tokoh Ilmuwan Islam: Imam al-Qabisi

## *Al-Qabisi's Thoughts on Islamic Education Curriculum and Philosophy*

Muhamad Amirul Mohd Nor<sup>1</sup>, Muhammad Zulazizi Mohd Nawi<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak.

Article progress

Accepted: 31 Jan 2020

Reviewed: 6 Feb 2020

Published: 31 Mei 2020

\*Corresponding author:

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi  
Jabatan Pengajian Islam, Fakulti  
Sains Kemanusiaan, Universiti  
Pendidikan Sultan Idris, 35900,  
Tanjung Malim, Perak.  
Email: zulazizi0902@gmail.com

**Abstrak:** Para ilmuan Islam muktabar telah menyumbangkan pelbagai pemikiran dan cetusan idea terhadap warisan serta wacana pendidikan Islam. Kurikulum dan falsafah yang lahir daripada sarjana pendidikan Islam menjadi tonggak utama terhadap kurikulum dan falsafah pendidikan Islam pada zaman moden ini. Imam al-Qabisi merupakan salah seorang tokoh ilmuan Islam dan pengasas kurikulum pendidikan Islam. Oleh sebab itu, kajian ini membincangkan tentang kurikulum pendidikan al-Qabisi berpandukan kitabnya yang masyhur “Al-risalah al-mufassalah lil-ahwal al-muta'allimin wa ahkam al-mu'alimin wa muta'alimin”. Pemikiran atau pandangannya adalah lebih menjurus tentang konsep pendidikan anak, matlamat pendidikan, objektif, amalan penilaian, pujian, denda, metode dan teknik pengajaran serta perbahasan tentang falsafah dalam pendidikan Islam. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan metode dokumentasi, iaitu melalui penulisan ilmiah seperti buku, jurnal, kertas persidangan, ensiklopedia dan lain-lain lagi yang dipanggil sebagai analisis dokumen bagi membantu menyiapkan kajian. Hasil kajian ini, mendapat terdapat dua bahagian kurikulum yang dibawa oleh al-Qabisi iaitu kurikulum ijbari dan kurikulum ikhtiyari. Pendidikan agama dan akhlak mulia sangat penting untuk menjamin kesejahteraan dalam masyarakat dan negara.

**Kata kunci:** al-Qabisi; Falsafah; Kurikulum; Pendidikan Islam

**Abstract:** The Islamic scholar has contributed many thoughts on the discourse of Islamic education. Curriculum and philosophy, which is born from Islamic education scholars, is a major pillar of the curriculum and philosophy of Islamic education in this modern age. Imam al-Qabisi is a founder of Islamic education curriculum. Therefore, this study discusses al-Qabisi's educational curriculum based on his famous book “Al-risalah al-mufassalah lil-ahwal al-muta'allimin wa ahkam al-mu'alimin wa muta'alimin”. His thoughts based on the concept of children's education, educational goals, assessment practices, praise, fines, teaching methods, techniques and discussions about philosophy in Islamic education. This study used a methodology of the library approach. Using documentary methods with scientific writing such as books, journal, proceeding, encyclopedia, which is called document analysis that can help to finish this study. The findings show that the concept of al-Qabisi's thought in Islamic education that there are two parts of the curriculum carried by Al-Qabisi which is the ijbari curriculum and ikhtiyari curriculum. This religious and moral education is essential to give well-being for society and nation

**Keywords:** al-Qabisi; philosophy; curriculum; Islamic education

## Pengenalan

Para sarjana Islam pada zaman dahulu menguasai pelbagai bidang pengetahuan secara holistik selain memiliki ciri-ciri sahsiah yang baik dan berkepimpinan. Para sarjana Islam terdahulu yang mengukir nama dan kegemilangan diangkat sebagai pendidik, murabbi, mursyid, muallim, muaddib, mudarris (5 M), pendakwah dan ‘pencetus ummah’ kepada masyarakat. Daya dan kemampuan keilmuan para sarjana Islam terdahulu melalui penulisan atau kitab masih segar dalam jiwa setiap manusia pada hari ini. Antara isu mengenai pendidikan yang acapkali mendapat sambutan oleh para pemikir dan pakar pendidikan untuk dibahaskan adalah mengenai halatuju pendidikan serta kaedah pedagogikal. Hal ini demikian kerana, kedua-dua perkara ini menjadi asbab terhadap pembentukan warna-warni dalam aktiviti pendidikan yang akan dilaksanakan (Muhammad Choirin, 2016).

Ilmu sanjungan dalam pendidikan Islam yang menjadi pilihan seluruhnya adalah Abu Hasan Al-Qabisi kerana beliau sendiri merupakan bekas pelajar atau alumni kepada gurunya iaitu Ibnu Sahnun (Hasan Langulung, 2000). Ibnu Sahnun merupakan ahli pemikir pendidikan pertama menurut sejarah dunia Islam (Jalaluddin, 1994). Sebelumnya beliau hanyalah dikenali sebagai fuqaha' yang beraliran Maliki. Ketokohan Ibnu Shanun dalam pendidikan serba sedikit banyak membincarkan mengenai amalan pendidik, dan yang paling utama diperhatikan adalah berkenaan dengan kualiti guru atau pendidik itu sendiri.

Selain, nilai kebertanggungjawaban dalam mendidik, seseorang guru dikehendaki menguasai pelbagai ruang lingkup keilmuan yang bersepadan kerana segala bentuk idea tentang kependidikan sebenarnya banyak dicedok atau dituruti dari seorang guru. Sekitar abad ke-4, al-Qabisi (1955) diangkat sebagai tokoh pemikir pendidikan menerusi karyanya iaitu “Al-risalah al-mufassalah lil-ahwal al-muta'allimin wa ahkam al-mu'alimin wa muta'alimin” yang banyak menghuraikan teori tentang ilmu pendidikan (al-Jumbulati dan Abdul Futuh, 2002 dan Ahmad Khalid, 1986).

## Profil al-Qabisi

Menurut Abdullah Amin al-Nukmy (1995), nama al-Qabisi ialah Abu Hassan bin Muhammad bin Khalaf al-Muafiri al-Qairawani. Abu Hassan lebih dikenali sebagai al-Qabisi. ‘Laqab’ (panggilan) yang digunakan terhadapnya adalah bersempena dengan nama sebuah kota di Tunisia. Di suluth, tempat beliau dilahirkan. Pada abad ke-4 bertarikh 324H bersamaan 913M beliau dilahirkan dan meninggal dunia pada 420 H bersamaan 1009M (Ahmad Fu'ad al-Ahwani, 1955).

Sejak kecil sehingga rmencapai baligh beliau menuntut ilmu di Kota Qairawan. Antara subjek yang

dipelajarinya dengan ulama'-ulama' di situ seperti al-Quran, hadis, feqah, bahasa Arab dan qira'at. Antara ahli sarjana Muslim yang paling banyak memberikan motivasi dan dorongan buatnya adalah Abu al-Abbas al-Ibyani yang sangat genius dalam ilmu fiqh Mazhab Maliki. Antara pendidik yang paling banyak membantunya pula seperti Abu Muhammad Abdullah bin Mansur al-Najibi, Abdullah bin Mansur al-Ashal, Ziyad bin Yunus al-Yahsabiy, Ali Al-Dibagh dan Abdullah bin Abi Zaid. Al-Qabisi sebenarnya banyak menuntut ilmu dengan sarjana-sarjana Muslim di seluruh dunia seperti di Iskandariah, Tunisia, Qairawan, sekitar negara Mesir dan Afrika (Gamal Abdul Nasir, 2003 dan al-Dibagh, 1968).

Al-Qabisi juga merupakan seorang insan yang cintakan ilmu pengetahuan kerana pernah menuntut ilmu daripada ulama-ulama yang masyhur dari Kaherah dan Hijaz dan beberapa sarjana Muslim semasa. Meskipun sedikit sebanyak mengalami masalah penglihatan, namun beliau mempunyai ilmu agama yang sangat luas merangkumi ilmu pendidikan, ilmu al-Quran, Hadis, Feqah dan Usul serta Bahasa. Beliau adalah seorang penganut sejati dalam aliran Maliki. Al-Qabisi sangat masyhur dalam kalangan cendekiawan Islam yang lain, sangat merendah diri, alim dan tidak menyukai kemewahan (Ahmad Fu'ad al-Ahwani, 1955; Ahmad Khalid 1986; Abdullah Amin al-Nukmy 1994; al-Jumbulati dan Abdul Futuh, 2002). Sebilangan fatwa yang dikeluarkan oleh Al-Qabisi telah banyak diikuti oleh penduduk-penduduk Mesir dan Tunisia.

## Tujuan Pendidikan Pandangan Al-Qabisi

Dunia pendidikan pada masa itu diserikan oleh tokoh-tokoh pendidikan klasikal yang sangat suka membahaskan mengenai kepincangan pendidikan, iaitu Ibnu Sahnun dengan karyanya 'Adabal al-Muallimin' yang serba sedikit mencorakkan diri al-Qabisi (Abdul Nasir Zakaria, 2003 dan Hasan Langulung, 2000). Namun, teori pendidikan Ibnu Sahnun lebih menumpukan konteks psikologikal murid iaitu mengenai pelaksanaan denda atau hukuman. Oleh hal demikian kerana, denda atau hukuman menjadi alat terakhir untuk mendidik (Suwito dan Fauzan, 2003).

Tambahan al-Qabisi pula lebih cenderung terhadap cara atau kaedah pendidikan secara standard iaitu berkenaan manhaj, kurikulum, atau alatan, bentuk pembelajaran dan perkara lain yang bersangkutan dengan ruang lingkup dengan bidang pendidikan di kuttab (pusat pembelajaran al-Quran yang ditubuhkan Imam al-Qabisi) pada masa itu (Abdullah Amin al-Nukmy, 1994). Perkara ini telah dibahaskan secara lebih meluas dan terperinci oleh al-Jumbulati dan Abdul Futuh (2002) yang telah menyatakan bahawa, pengetahuan ilmu agama sama ada teorikal ataupun praktikal merupakan matlamat paling utama dalam pendidikan pelajar. Seterusnya, al-Qabisi (1955) pernah juga mengatakan bahawa,

institusi kekeluargaan memainkan peranan yang sangat penting dalam pendidikan.

Permulaan pendidikan adalah dari rumah dan kedua-dua orang tua merupakan faktor paling utama dalam memberikan pendidikan terhadap anak (Ahmad Labib, 2011). Pendidikan di institusi pendidikan dikenali sebagai (al-kuttab) atau pada zaman sekarang (tadika). Kemudiannya, anak-anak disuruh belajar di kuttab ketika tempoh dalam mendapatkan kematangan iaitu antara umur 5-7 atau sehingga baligh (Abdul Kholiq, 1999). Dalam pada itu, al-Qabisi juga sangat mementingkan konteks akhlak atau sahsiah dan agama (normatif) (al-Qabisi, 1955).

Perkara ini disebabkan untuk mengukuhkan akhlak anak, menyemaikan rasa cinta terhadap agama selain terus teguh kepada ajarannya, kriteria perwatakan selaras dengan nilai murni serta memiliki keterampilan secara praktikal. Ringkasnya, pengkaji merumuskan secara komparatif antara konsep pendidikan al-Qabisi (1955) dengan konsep pendidikan blok Barat seperti berikut:

1. Al-Qabisi mengatakan penumpuan sepenuhnya kepada didikan akhlak dan sahsiah terhadap pelajar atau anak-anak manakala Dewey (1957) mengatakan penumpuan didikan hanya untuk membentuk manusia menjadi warganegara yang baik

2. Al-Qabisi mengatakan perlu menyuburkan rasa cinta kepada tuhan dan rasul-Nya dalam diri pelajar atau anak-anak manakala menurut Robert H.Thouless (1971), tuhan hanyalah imaginasi manusia yang tidak dapat dicapai oleh akal. Walaupun didikan untuk mempercayai tuhan itu ada tetapi keesaan tuhan tidak wujud

3. Al-Qabisi menegaskan pelajar atau anak-anak perlu dilatih untuk mengamalkan ajaran agama dan meninggalkan segala larangan agama manakala Arthur Schopenhauer mengatakan ajaran agama adalah musuh kehidupan dan manusia itu perlu bebas tanpa adanya ikatan agama (Frans Magniz Suseno, 1997 dan Jacquette, D., 2010)

4. Al-Qabisi menyatakan pelajar atau anak-anak hendaklah dilatih untuk bertingkah laku dengan akhlak terpuji manakala menurut Rogers (1999), Jan Howells dan John Watson (2000), pelajar dilatih bertingkah laku dengan persepsi diri sendiri yang positif dan keadaan sekeliling

Kesimpulannya, menurut Abudin Nata (1999), pemahaman matlamat pendidikan berdasarkan pandangan al-Qabisi adalah bercorak preskriptif, iaitu memberikan didikan kepada anak untuk menjadi seorang muslim yang memiliki ilmu agama yang kukuh, seiring dengan amalan agamanya yang baik di samping menerapkan akhlak yang terpuji. Dengan demikian, dapatlah difahami bahawa, teori dan model pendidikan al-Qabisi tidak semata-mata hanya menfokuskan konsep akal sahaja, bahkan turut menumpukan aspek afektif dan psikomotor secara holistic

## Pandangan Al-Qabisi Tentang Pendidikan Anak

Al-Qabisi memiliki cita-cita yang besar dan sangat memberikan tumpuan terhadap pendidikan anak-anak yang belajar di kuttab beliau. Menurut al-Qabisi, memberikan didikan kepada anak-anak merupakan satu usaha yang sangat strategik bagi merangka satu dan memelihara kesinambungan masa depan bangsa dan negara. Oleh sebab itulah, pendidikan anak perlu dilaksanakan dengan penuh kecintaan dan kerajinan yang tinggi. Jadi, idea beliau tentang pendidikan anak-anak ini merupakan dasar pertama yang wujud dalam sistem pendidikan Islam dan juga bagi pendidikan seluruhnya. Al-Qabisi (1955) tidak menetapkan umur tertentu bagi anak-anak mencari ilmu di institusi pendidikan, bahkan beliau hanya menggalakkan anak-anak untuk belajar mencari ilmu.

Oleh sebab itu, pendidikan anak menjadi sebahagian daripada peranan ibu bapanya setelah anak itu boleh berbicara dengan lancar iaitu pada umur mukallaf yang mewajibkan mereka diajar solat (Syed Farid al-Atas, 1994). Berdasarkan hadis Nabi Muhammad saw (mafhumnya): “Perintahkan anak-anak kalian untuk mengerjakan solat pada waktu usia tujuh tahun dan pukullah mereka pada waktu usia sepuluh tahun serta pisahkan tempat tidur mereka” (Hadis riwayat Abu Daud: 495)

Hadis di atas menunjukkan bahawa, sembahyang merupakan pilar agama dalam kehidupan orang Islam. Sembahyang merupakan asas utama yang mana sekiranya amalan ini gagal diamalkan dengan baik dan tersusun, maka semestinya seseorang itu telah menghancurkan agamanya (al-Azim al-Abadi, 2007). Di samping itu, menurut al-Qabisi (1955) teknik memukul atau merotan turut digalakkan. Pemberian rotan boleh dilakukan atas asbab mendidik dan hanya dijadikan pilihan terakhir.

Pemberian rotan tidak boleh dibuat sesuka hati pada peringkat pertama jika murid atau pelajar itu baharu pertama kali melakukan kesalahan. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan mestilah diberikan penerangan dan tunjuk ajar. Setelah itu barulah tindakan (rotan) diberikan. Berilah peluang untuk memperbaiki setiap kesalahan. Pendidikan anak seperti di ‘al-Kuttab’ hanyalah sampingan kepada tugas hakiki yang perlu ditunaikan oleh ibu bapa di rumah (al-Qabisi, 1955). Anak-anak yang belajar di ‘kuttab’ akan mula diajar menghafal al-Quran, kemudian diajar menulis, dan pada waktu zohor mereka pulang ke rumah masing-masing untuk makan tengahari, kemudian kembali lagi ke kuttab untuk belajar lagi sampai ke petang (Ahmad Fu’ad al-Ahwani, 1955).

Anak-anak yang belajar di ‘kuttab’ sehingga mencapai usia baligh akan mempelajari bermacam jenis ilmu pengetahuan seperti al-Quran, kitabah, tatabahasa Arab dan juga mempelajari ilmu matematik dan prosa tradisional serta cerita-cerita

penglipur lara daripada bangsa Arab. Al-Qabisi (1955) telah menetapkan ilmu yang paling dominan untuk dinati jahkan terhadap pelajarnya misalnya ilmu al-Quran yang mesti dimulai dengan penghafalan sama ada secara individu mahupun berkumpulan yang mana guru terbabit akan mengulang-ulang bacaan dengan kuat pada tahap pertama, seterusnya murid akan mengikuti guru itu.

Setiap murid akan diberikan alat tulis (batu tulis) untuk mencatat apa-apa perkara yang telah dihafal setiap harinya. Dengan kaedah ini jelaslah bahawa, kemampuan menulis dan membaca menjadi pra-syarat utama untuk memahami al-Quran, kemudian pelajar itu wajib menunjukkan apa yang ditulis dalam alat penulisannya pada hari berikutnya. Setelah apa yang ditulisnya itu berjaya memberikan perubahan kepada diri anak-anak maka ia akan dipadam untuk diteruskan lagi dengan ayat-ayat berikut pada hari selanjutnya (al-Qabisi, 1955)

### *Metod dan Teknik Mengajar*

Kaedah pengajaran yang telah digariskan oleh al-Qabisi (1955) dalam menelaah al-Quran adalah berulang kali dengan mengajarnya yang disertai dengan hafalan, bantu membantu antara satu sama lain untuk memantapkan hafalan, menulis setiap perkara yang dihafal, memaksimumkan pancaindera mata untuk membaca, serta penguatan daya ingatan, setelah itu pelajar disuruh menunjukkan kesannya kepada guru. Sekiranya, anak melakukan kesalahan penulisan atau terlupa dalam menghafal atau tidak menfokuskan pengajiannya, semestinya guru akan menghukum anak-anak tadi, teknik ini sangat berkesan jika dapat dijalankan pada zaman moden ini. Tahap atau peringkatnya adalah (al-Qabisi, 1955):

1. Nasihat
2. Memisahkannya atau mengasingkannya secara bersendirian
3. Amaran beserta ancaman
4. Pukulan, sebagai hukuman terakhir

Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003) menjelaskan pemikiran al-Qabisi (1955) bahawa sekiranya nasihat, tunjuk ajar dan amaran tidak menjadi, maka hukuman secara setimpal sebagai ujian terhadap mereka. Jika pelajar itu dapat menyempurnakan tugasannya menghafal al-Quran itu dengan berjaya dan sehingga hafalan itu melekat dengan baik, maka menjadi tanggungjawab guru untuk memberikan pelajar itu anugerah penghargaan dan pujian kepada mereka (al-Qabisi, 1955). Selepas tamat sesi menghafal al-Quran, pelajar itu akan diberikan sedikit tambahan kepada pengajiannya yang merangkumi peringkat pembelajaran sepanjang hayat seperti pertukangan, perdagangan (jual beli), kemahiran untuk berdikari, kemahiran mengurus diri dan kemahiran mengatur halatuju hidupnya serta pelbagai lagi kemahiran lain yang boleh dipelajari

sehingga lah mereka mampu menyesuaikannya pada tahap yang lebih tinggi.

### *Kurikulum Al-Qabisi*

Al-Qabisi (1955) meletakkan dua (2) matlamat dalam pengajaran iaitu:

1. Matlamat agama (makrifatuddin)
2. Matlamat akhlak

Al-Qabisi (1955) sentiasa mengajak umat Islam di mana-manapun mereka berada agar terus berpegang erat dengan lunas-lunas Islam. Beliau juga menyeru kepada umat Islam sekarang untuk mendalami sirah umat terdahulu untuk dijadikan iktibar dan panduan dalam kehidupan. Umat Islam yang berada di zaman kegemilangan Islam sentiasa mencari jalan mempelajari al-Quran, mendapatkan guru untuk mempelajari al-Quran dan sentiasa menelusuri setiap maksud dan kandungan dalam al-Quran. Selepas selesai sesi pengajaran al-Quran dengan pelajar, sesi pengajaran praktikal pula diteruskan iaitu mempelajari kaedah berwuduk dan tatatertib melaksanakan solat. Setiap pelajar juga akan selalu dilatih untuk melakukan sesuatu ibadah sehingga lah diri mereka berasa senang untuk mengerjakan ibadah dan berasa menyesal untuk meninggalkan ibadat berkenaan.

Selanjutnya dalam pendidikan sahsiah pula, al-Qabisi (1955) mengajak para guru untuk berpegang teguh dengan nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah. Al-Qabisi (1955) menyatakan bahawa, pendidikan dan pengajaran adalah suatu kombinasi yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Mula-mula keluargalah wajib menerapkan nilai-nilai pendidikan sahsiah, kemudian institusi pendidikan dan akhir sekali masyarakat seluruhnya.

Jika anak-anak melakukan kesilapan ataupun melakukan apa-apa perkara yang buruk, itu disebabkan oleh masalah sistem kekeluargaan yang tidak mengabaikan tanggungjawab dan peranan mereka untuk menerapkan amalan yang baik. Anak-anak yang telah terpesong daripada melaksanakan ajaran agama maka mereka perlu diberikan hukuman dan peringatan setimpal dengan perbuatan itu (al-Qabisi, 1955)

Bagi menghuraikan isu sesebuah pelaksanaan kurikulum pendidikan, Shams al-Din (1990) sebagaimana untuk menjelaskan pemikiran al-Qabisi (1955) telah mengklasifikasikan kaedah pedagogikal kepada dua bentuk iaitu ilmu-ilmu dasar atau ijbari dan ilmu-ilmu yang bukan dasar atau ikhtiyari. Ilmu-ilmu tersebut merangkumi seperti berikut:

1. Al-Quran. Al-Quran menjadi subjek yang wajib untuk dipelajari oleh setiap anak-anak di sekolah
2. Al-Fiqh. Ilmu al-fiqh yang dikatakan oleh al-Qabisi adalah mengenai asas-asas hukum Islam yang perlu diketahui oleh setiap murid agar dapat melaksanakan perintah Allah s.w.t dan rasul-Nya

dengan sebaik-baiknya. Setiap guru wajib meletakkan amalan solat sebagai amalan pertama ketika mereka berumur enam (6) atau tujuh (7) tahun. Demikian juga mengajarkan kaedah berwuduk dengan betul. Selain daripada itu, ilmu akidah dan tauhid juga perlu dititiberatkan kepada mereka agar kenal siapakah pencipta mereka yakni Allah s.w.t sebagai Tuhan mereka.

3. Moral. Ilmu moral sangat signifikan diterapkan dalam diri anak-anak, kerana setiap manusia wajib berhubungan baik dengan manusia, sesama makhluk dan Allah s.w.t. Anak-anak perlu dilatih dengan perbuatan dan sikap yang baik sejak kecil agar dapat diarahkan tingkah laku berkenaan pada jalan yang benar.

4. Menulis, mengeja dan membaca. Contohnya, ajarilah anak-anak mengenal tulisan khat serta dapat mengeja dan menelaah al-Quran. Hal ini demikian kerana, ianya sangat penting dalam pengajaran al-Quran. Pendidik menurut al-Qabisi adalah menunaikan kewajipan membimbing anak-anak secara asas untuk mengenal al-Quran seiring dengan kaedah bacaan yang benar dan betul sehingga mereka mampu membaca dengan bacaan yang fasih serta tajwid yang betul.

5. Bahasa. Contoh yang diberikan al-Qabisi adalah bahasa Arab. Penetapan asas-asas ilmu gramatikal, retorikal dan sebagainya mestilah dikuasai dengan sebaik-baiknya. Namun bukan dari aspek pemahaman bahasa semata-mata bahkan matlamat yang bersangkut paut adalah agar anak-anak dapat memahami dan membaca sesuatu teks bahasa asing dengan tepat dan bebas daripada kesalahan.

Sedangkan ilmu-ilmu yang tidak termasuk dalam kategori ijbari adalah ikhtiyari, sebagaimana berikut:

1. Ilmu pengiraan atau hisab. Al-Qabisi tidak membebankan pada mana-mana pendidik untuk mengajar subjek ini sebagai mata pelajaran yang teras, tetapi keperluan guru untuk mengajar subjek ini adalah terletak atas pilihan murid-muridnya. Ilmu hisab ada serba sedikit berkait rapat dengan kepentingan keagamaan, kerana mempelajarinya akan membantu untuk memahami dengan lebih mendalam ilmu-ilmu pembahagian pusaka (ilmu faraid).

2. Kesasteraan. Contoh yang diberikan adalah bahasa Arab. Setiap bahasa mempunyai nilai sasteranya yang tersendiri dan ilmu sastera adalah ilmu yang paling baik untuk dipelajari. Antara yang boleh dipelajari seperti prosa, pidato, sirah tokoh-tokoh orang Arab dan sebagainya. Digalakkan untuk melatih anak-anak menghafal syair atau pantun bagi membantu anak-anak dalam mengembangkan keupayaan bahasanya serta dapat melatih anak-anak berbicara dengan bahasa yang indah. Kebaikan lain daripada syair adalah sebagai hiburan pada waktu lapang.

3. Sejarah. Sejarah bukanlah mata pelajaran atau subjek teras menurut al-Qabisi, akan tetapi

pendidikan sejarah ini dapat melatih anak-anak untuk mengamalkan perilaku yang baik dan mulia.

### Falsafah

Mengetahui agama secara teori dan amali merupakan tujuan utama pendidikan anak-anak menurut al-Qabisi (1955). Beliau menyatakan, kehidupan ini merupakan tempat persinggahan untuk menuju akhirat. Demikianlah setiap manusia akan menghabiskan setiap detik dan amal perbuatannya semata-mata untuk jalan agama, bangsa dan negara. Beliau menyeru umat Islam mencontohi generasi sahabat dan tabiin.

Sememangnya, generasi umat Islam pada ketika itu sangat berpegang teguh dengan pengamalan ilmu-ilmu al-Quran dan semua asas agama terhadap keluarga mereka (Ahwan 1955 dan Gamal Nasir, 2003). Setiap individu mestilah berpegang pada tali Allah s.w.t (ajaran dan panduan daripada Allah s.w.t), bahkan beliau menambah lagi bahawa, nilai-nilai agama ini diperoleh dengan kaedah mencari dan mempelajari. Berdasarkan teori al-Qabisi ini dapatlah diketahui bahawa, pentingnya orang Islam mempelajari al-Quran dan mengajarkannya selain mengutamakannya terlebih dahulu daripada matapelajaran dan ilmu yang lain. Al-Qabisi (1955) menyatakan pendidikan mestilah selari dengan akhlak kerana kedua-duanya saling memerlukan. Menjadi tanggungjawab keluarga dalam menyemai nilai-nilai sahsiah dan moral, kemudian disempurnakan oleh institusi pendidikan, masyarakat dan negara

Proses penerapan nilai murni terjadi melalui murabbi yang mengajar dan pengawalan pergaulan murid adalah melalui teman-temannya. Sebagai seorang guru atau pendidik atau ibu bapa kepada anak-anak, menjadi kewajipan menegur setiap perbuatan yang tidak baik yang ditunjukkan oleh anak-anak (al-Qabisi, 1955). Al-Qabisi (1955) mencadangkan supaya pelajar lelaki dan perempuan dipisahkan ketika mempelajari ilmu pengetahuan, kerana tambah beliau lagi percampuran lelaki dan perempuan mendatangkan kesan dan implikasi kepada kerosakan akhlak.

Al-Qabisi (1955) tidak menetapkan pendidikan dalam bidang kemahiran dan pekerjaan sebagai asas utama kehidupan. Hal ini dapatlah difahami bahawa, setiap perbuatan atau pekerjaan yang diperoleh adalah dengan cara taqlid. Ini semua termasuk dalam peranan dan tanggungjawab ibu bapa dan masyarakat serta bukanlah termasuk dalam tanggungjawab mana-mana institusi pendidikan.

### Kesimpulan

Kurikulum pendidikan yang dibawa oleh al-Qabisi merupakan salah satu teori atau model yang sangat sesuai diaplikasikan dalam dunia pendidikan kontemporari. Ciri-ciri kerelevanannya terhadap

pengamalan kurikulum pendidikan berteraskan Islam selama ini dapat diperincikan kepada dua perkara. Pertama, dari segi penyusunannya, iaitu dasar tawazun (keseimbangan) antara pengetahuan keduniaan dengan pengetahuan akhirat (aspek intelektual dengan spiritual), antara teorikal mahupun praktikal, dan sesuatu dasar yang berkaitan, iaitu bersempena dengan penyesuaian kurikulum pengajaran tersebut dengan tahap situasi masyarakat sebenar. Kedua, dari segi sudut pembinaan yang menjadi asas utama terhadap penyusunan kurikulum pendidikan, iaitu diniah dan ijtimiae. Idea daripada al-Qabisi tentang pendidikan adalah berpandukan kepada asas-asas Islam, khususnya berkaitan dengan prinsip dan dasar utama yang menjadi landasan penyusunan pendidikan tersebut. Maka, setiap dasar pendidikan mestilah mudah untuk dipraktikkan di institusi pendidikan masa kini dan akan datang.

## Rujukan

- Ali Al-Jumbulati dan Abdul Futuh Al-Tuwaanisi (2002), Perbandingan Pendidikan Islam. terj. M. Arifin. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abuddin Nata (1999). Suplemen Ensiklopedia Islam. vol. 1. Jakarta : PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Abu al-Falah ‘Abd al-Hayy ibn al-Imad al-Hanbali. (1988). Syadzarat al-Dzahab fi Akhbar Man Dzahab, Jilid 3, (Dar al-Fikr), ms. 169
- Abd Rachman Assegaf (2013), Aliran Pemikiran Pendidikan Islam : Hadharah Keilmuan Tokoh Klasik Sampai Modern. Jakarta: Rajawali Press.
- Abdullah Amin al-Nukmy. (1995), Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan Al-Qabisy, Jakarta, h.184
- Abdul Kholiq (1999), Pendidikan Islam : Kajian Tokoh Klasik dan Kontemporeri. Semarang: Fakultas Tarbiyah IAIN Walisongo
- Al-Azim al-Abadi, Abi Tayyib Muhammad Shams al-Haq (2007), „Awn al-Ma“bud Sharh Sunan Abi Dawud, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qabisi, Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf. (1955). Al-risalah al-mufassalah lil-ahwal al-muta'allimin wa ahkam al-mu'alimin wa muta'alimin. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Dibagh, Abdul Rahman Muhammad (1968), al- (1968), Ma‘alim al-Imam fi al-Ma‘rifat Ahli al-Qairawan. Kaherah : Maktabah al-Kanjie
- Ahmad Fu‘ad al-Ahwani. (1955). Al-Tarbiyah al-Islamiyah aw al-Ta’lim fi Ra‘y al-Qabisi, Cairo : Dar Ihya` al-Kutub al-Arabiyyah
- Ahmad Mohd Salleh (1997), Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Khalid. (1986). Al-Qabisi, Al-risalah al-mufassalah lilahwal al-mutaallimin wa ahkam al-mualimin wa mutaalin. Tunis: Syarikat Percetakan Tunis.
- Ahmad Labib. (2011). Konsep Pendidikan Akhlak pada Anak Menurut Al-Qabisi dalam buku Al-Risalah al-Mufassalah li Ahwal al-Muta'allimin wa Ahkami al-Mu'allimin wa al-Muta'allimin. Skripsi, Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta
- Dewey, John. (1957), Democracy and Education: An Introduction to the Philosophy of Education, New York : The MacMillan Company
- Frans Magniz Suseno. (1997). 13 Tokoh Etika. Yogyakarta: Kanisius, ms. 171
- Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003), Prinsip-prinsip pendidikan Islam (Ibnu Sahnun, Al-Qabisi, Ibnu Khaldun). Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd
- Hasan Langulung. (2000). Asas-asas Pendidikan Islam. Jakarta: al-Husna
- Husain Abdul „Ali, Al-Tarbiyah al-Islamiyah fi Qarni al-Rabi‘ al-Hijri, (Beirut : Dar al-Fikri al-Arabi, t.th.), hlm. 156
- Jacquette, D. (2010). Christopher Ryan Schopenhauer's Philosophy of Religion: The Death of God and the Oriental Renaissance. (Leuven: Uitgeverij Peeters, 2010). Pp. xi 249. €42.00 (Pbk). ISBN 978 90 429 2215 0. Religious Studies, 46(4), 545-551. doi:10.1017/S0034412510000466
- Jalaluddin, dkk. (1994). Filsafat Pendidikan Islam; Konsep dan Perkembangan Pemikiranya. Jakarta: Grapindo Pesada
- Jan Howells & John Watson (2000), Parental Control , London: Dorling Kindersley Book, ms.56
- M.Zainal Abidin, (2010). Islam Dan Ilmu Pengetahuan Dalam Diskursus Muslim Kontemporer, Dosen Fakultas Ushuluddin IAIN Antasari Banjarmasin, kandidat Doktor (S-3) di Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Muhammad Coirin (2016), Metode Pengajaran Menurut Abu Hanifah Dalam Al-Alim Wa Al-Muta'allim, Vol. 15, No 1. Universitas Islam As-Syafi‘iyah Jakarta.
- Noor Hashim Md Nawi (2011), Pengajaran dan Pembelajaran: Penelitian Semula Konsep Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kertas Kerja Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011.Pulau Pinang.
- Rogers, Carl Ransom. (1999). The Scribner Encyclopedia of American Lives. Retrieved from <http://www.gale.cengage.com/InContext/bio.htm>
- Shams al-Din, 'Abd al-Amir Ibrahim. (1990). Fikr al-tarbawi 'Inda Ibn Sahnun wa-al-Qabisi. Kaherah: Dar Iqra
- Syed Farid Alatas. (1994). “Agama dan Ilmu-ilmu Sosial, dalam Jurnal Ilmu dan Kebudayaan Ulumul Qur'an, No. 2, Vol. 5.

Suwito dan Fauzan. (2003). Sejarah Pemikiran Para Filosof Muslim. Bandung: Angkasa dengan UIN Jakarta Press.